81

# MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
# JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI
# MELAKA BIL 2/2018

Bil : 2/2018
Tarikh : 26 Julai 2018
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Tun Seri Nara Diraja,
Aras 4, Blok Bentara,
Seri Negeri, Ayer Keroh,
MELAKA

---

Kehadiran Pihak Pegawai:

1. YB Hanafi bin Sakri -Pengerusi Pihak Pegawai
2. En. Mohd Yusof bin Abu Bakar -Ahli Pihak Pegawai
3. Cik Norifah binti Nordin - Ahli Pihak Pegawai
4. Cik Aida Suhana binti Barudin - Setiausaha
5. Pn. Azliana binti Mohamd Amin - Urusetia

Kehadiran Pihak Pekerja:

1. Pn. Hasidah binti Abdul Manan - Wakil PengerusiPihak Pekerja
2. Pn. Norul Aisyah binti Ibrahim - Setiausaha Pihak Pekerja
3. Pn. Nur Izzura binti Othman - Ahli Pihak Pekerja
4. En. Mohd Rodzi Fitri bin Abd Aziz - Ahli Pihak Pekerja
5. En. Mohd Najib bin Buang - Ahli Pihak Pekerja

Tidak Hadir Dengan Maaf

1. Cik Puhnitha Devi A/P Durairaju - Ahli Pihak Pegawai
2. Pn. Ummu Hani binti Salim - Ahli Pihak Pekerja
3. En. Mohd Amiril bin Samsudin - Ahli Pihak Pekerja

## 1. PERUTUSAN PENGERUSI

1.1 YB Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil 2/2018.

1.2 Mesyuarat dimaklumkan mengenai tujuan utama MBJ diadakan adalah bagi melihat isu-isu kebajikan warga JKPNM dan memastikan hubungan dan kerjasama yang menyeluruh di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja di JKPNM.

1.3 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa ini adalah mesyuarat terakhir bagi ahli-ahli pekerja lama kerana akan ada lantikan yang baru selepas ini.

## 2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 1/2018

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil.1/2018 bertarikh 15 Mei 2018 disahkan tanpa pindaan.

## 3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

### 3.1 Usul 2/2 2016 :Memohon "*Upgrade*" Mesin Fotostat di Aras 2

3.1.1 Mesyuarat mengambil maklum berhubung pembelian tersebut dan meminta pihak Tabung Amanah membuat pembelian 6 unit tablet setelah mendapat persetujuan dari ahli lembaga memandangkan pada awalnya pembelian tablet ini akan ditanggung sama rata.

3.1.2 Keputusan:

Mesyuarat dimaklumkan Pembelian 6 unit tablet telah selesai dilaksanakan pada 21.05.2018 menggunakan peruntukan dibawah Tabung Amanah Melaka berjumlah RM12,600.00.

**Tindakan : Unit Pentadbiran/ Unit Pelaburan/ Unit Komputer**

**3.2 Usul 5/2- 2017 : Mencadangkan agar kumpulan koir JKPNM diberi nafas baru semula**

3.2.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan untuk menubuhkan kumpulan koir Jabatan. Tujuan penubuhan ini adalah sebagai satu langkah persediaan kepada Jabatan sekiranya Jabatan dipilih sebagai tuan rumah bagi perhimpunan pagi. Selain itu dengan wujudnya kumpulan koir ini ianya boleh dijadikan salah satu platform untuk Jabatan ini mengeratkan ukhuwah di kalangan warga kerja.

3.2.2 Mesyuarat mengambil maklum seramai 31 orang daripada 89 warga kerja JKPNM yang telah bersetuju untuk menubuhkan kumpulan koir Jabatan dan pihak Pentadbiran sedang dalam proses mengenal pasti mana-mana tenaga pengajar yang bersesuaian bagi melatih kumpulan koir jabatan.

3.2.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa unit Pentadbiran telah mendapatkan tenaga pengajar untuk melatih pasukan koir JKPNM dengan kos bayaran RM100/jam.

3.2.4 Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dengan tenaga pengajar yang dipilih untuk melatih pasukan koir Jabatan. Latihan hendaklah dilakukan pada waktu rehat atau waktu petang selepas habis waktu kerja. Walaubagaimanapun latihan tersebut boleh diberi kelonggaran untuk diadakan pada waktu pejabat jam 12.00 hingga 1.00 tengahari asalkan tidak mengganggu kerja hakiki.

**Tindakan : Unit Pentadbiran/Wakil MBJ**

**Makluman**

**3.3 Usul 1/4 – 2017: Mencadangkan agar perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara menyeluruh (*full body*) dan ujian saringan kanser disediakan kepada semua warga kerja JKPNM.**

3.3.1 Mesyuarat dimaklumkan Pemeriksaan kesihatan ini penting bagi memastikan kesihatan warga kerja dalam keadaan yang baik dan sihat sentiasa.

3.3.2 Unit Pentadbiran telah membuat semakan di Klinik Kesihatan Ayer Keroh berhubung perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan dimaklumkan Klinik Kesihatan membuka kaunter terbuka kepada orang awam bagi pemeriksaan darah dan kandungan gula dalam darah pada setiap hari Jumaat secara percuma.

3.3.3 Mesyuarat mengambil maklum Unit Pentadbiran telah menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (Dr. Maizura binti Mustafa) berhubung perkara tersebut dan dimaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan hanya menyediakan pemeriksaan biasa iaitu pemeriksaan darah dan pemeriksaan kandungan gula dalam darah sahaja. Ini kerana persekitaran kerja warga JKPNM tidak melakukan kerja-kerja yang terdedah kepada bahan kimia. Hal tersebut telah termaktub di dalam Akta Kesihatan Pekerjaan yang perlu dipatuhi oleh Jabatan Kesihatan.

3.3.4 Pentadbiran ini juga telah menerima maklumbalas daripada Columbia Asia Malaysia untuk menawarkan pemeriksaan kesihatan di pejabat dengan anggaran harga RM170.00/ seorang (*full basic blood test package, body composition, consultation, statistic & report*). Manakala Putra Hospital Melaka menawarkan harga RM270.00/ seorang (*blood screening, consultation, chest x-ray, lung function test, & report)*.

3.3.5 Keputusan

Mesyuarat bersetuju supaya perkara ini diperluaskan lagi carian kajian pasaran bagi pemeriksaan kesihatan.

**Tindakan : Pentadbiran**

**3.4 Usul 1/5 – 2018: Mencadangan Supaya Diadakan Aktiviti Sasaran Kerja Tahunan (SKT) atau Team Buildings di Luar Jabatan**

3.4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa dengan adanya program seperti ini ianya dapat mengeratkan hubungan antara semua warga kerja JKPNM. Ahli jawatankuasa MBJ mengesyorkan agar aktiviti seperti ini diadakan 2 tahun sekali bagi mengeratkan hubungan antara semua warga kerja JKPNM.

3.4.2 Mesyuarat dimaklumkan Unit Pentadbiran mencadangkan supaya SKT/ team building JKPNM dilaksanakan pada bulan September 2018 dengan pengesyoran tempat di Pulau Tioman seperti berikut:

| Bil. | Lokasi |
|---|---|
| 1. | Barat Tioman Beach Resort |
| 2. | Minang Cove Resort |
| 3. | Tunamaya Beach & Spa Resort |

| | |
|---|---|
| 4. | Berjaya Tioman Resort |

3.4.3 Keputusan

Mesyuarat bersetuju dengan pengesyoran tempat di Pulau Tioman. Cadangan hari yang disyorkan bagi melaksanakan aktiviti tersebut adalah Jumaat, Sabtu dan Ahad dan dicadangkan diadakan pada bulan September 2018. Unit pentadbiran dipohon mendapatkan sebutharga bagi tempat yang dipersetujui.

**Tindakan : Pentadbiran**

**3.5 Usul 2/5 – 2018: Mencadangkan Pemberian Baju Hujan Dan Beg Kepada Pegawai Gred H 11 Yang Menjalankan Kerja - Kerja Luar Setiap Tahun**

3.5.1 Mesyuarat dimaklumkan pembelian baju hujan kepada Pegawai Gred H11/H14 bagi tahun 2017 telah dilaksanakan pada tahun 2018. Manakala bagi tahun 2018 pula ia belum dilaksanakan lagi.

3.5.2 Keputusan

Mesyuarat bersetuju supaya pembelian baju hujan bagi tahun 2018 perlu dilaksanakan memandangkan pegawai tersebut mejalankan tugas di luar pejabat dengan keadaan cuaca yang tidak menentu.

**Tindakan : Pentadbiran**

**3.6 Mencadangkan Agar Token Pantry Bagi Setiap Zon Dinaikkan Dari Kadar RM3/Seorang/Sebulan Kepada RM5/Seorang/Sebulan**

3.6.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa penambahan kadar token pantry adalah perlu memandangkan harga keperluan sekarang ini seperti milo, susu dan lain-lain semakin meningkat.

3.6.2 Keputusan

Mesyuarat bersetuju untuk menaikkan kadar token pantry dari RM3/Seorang/Sebulan Kepada RM5/Seorang/Sebulan dibayar mulai Julai 2018.

**Makluman**

**3.7 <u>Mencadangkan Pemasangan Kamera *Dash Board* Pada Kenderaan Jabatan</u>**

3.7.1 Mesyuarat dimaklumkan berhubung pemasangan Kamera *Dash Board* pada kenderaan jabatan adalah bagi tujuan untuk merakam video perjalanan kenderaan jabatan. Video yang dirakam boleh digunakan untuk tujuan pemantauan, atau untuk tujuan keselamatan.

3.7.2 <u>Keputusan</u>

Mesyuarat bersetuju untuk dengan usul yang dikemukakan oleh wakil pihak pekerja. Unit pentadbiran dipohon mendapatkan sebutharga bagi pembelian serta pemasangan Kamera Dash Board tersebut.

**Tindakan : Pentadbiran**

**4. USUL BARU**

**4.1 <u>Cadangan Mewujudkan Kawasan Riadah Yang Dilengkapi Peralatan Untuk Bersenam Dan 'Track Jogging' Di Kompleks Seri Negeri</u>**

4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan untuk mewujudkan kawasan riadah yang dilengkapi peralatan untuk bersenam dan 'track jogging' di Kompleks Seri Negeri untuk kakitangan bersenam selepas waktu bekerja.

4.1.2 <u>Keputusan</u>

Mesyuarat tidak bersetuju dengan usul yang dicadangkan oleh Wakil Pihak Pekerja kerana ia melibatkan kos pembinaan yang tinggi di samping penggunaan peralatan sukan yang rendah. Kakitangan boleh melakukan aktiviti tersebut di Taman Seribu Bunga dan di Taman Botanikal yang berhampiran dengan Kompleks Seri Negeri.

**Makluman**

**4.2 Cadangan Agar Pengundian APC Bulanan Dibuka Kepada Semua Kakitangan Tanpa Menira Unit Dan Menghadkan Penerimaan Maksima Sebanyak 3 Kali**

4.2.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan tersebut bagi memberi peluang kepada kakitangan yang lain untuk menerima APC Bulanan tersebut.

4.2.2 Keputusan

Mesyuarat bersetuju dengan usul yang dicadangkan oleh Wakil Pihak Pekerja bagi membuka undian kepada semua kakitangan tanpa mengira unit. Walau bagaimanapun mesyuarat tidak bersetuju untuk menghadkan penerimaan maksima kerana pemilihan dilakukan kepada pekerja yang benar-benar cemerlang tanpa mengikut urutan.

**Makluman**

**4.3 Permohonan Pertukaran Dalaman Pembantu Tadbir Kewangan (W19) Dari Unit Naziran**

4.3.1 Mesyuarat menerima permohonan pertukaran daripada Puan Siti Noraishah Bt Abd Ghani dari unit Naziran melalui usul yang dikemukakan kepada wakil pekerja agar ditukarkan ke unit yang lain kerana telah berkhidmat selama 3 tahun di unit tersebut dan ingin mempelajari sesuatu perkara yang baru.

4.3.2 Keputusan

Unit Pentadbiran mengambil maklum berhubung perkara ini dan dalam tindakan mengemaskini rekod penempatan bagi semua warga kerja JKPNM yang melebihi 4-5 tahun untuk tujuan pusingan kerja akan datang.

**Tindakan : Pentadbiran**

**4.4 Cadangan Agar Ahli-Ahli Pekerja Yang Dilantik Diberi Sijil Penghargaan**

4.4.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan agar ahli-ahli pekerja yang dilantik diberi sijil penghargaan bagi menghargai khidmat yang diberikan sepanjang tempoh lantikan.

4.4.2 Keputusan

Mesyuarat bersetuju agar ahli-ahli pekerja yang dilantik diberi sijil penghargaan selepas tamat tempoh lantikan.

**Tindakan : Pentadbiran**

## 5.HAL-HAL LAIN

### 5.1 Cadangan Agar Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Bulanan Diberi Secara Tunai

5.1.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan agar Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Bulanan diberi secara tunai memandangkan pembelian sijil SSPN sebanyak RM300.00 di kaunter BSN membebankan penerima.

5.1.2 Keputusan

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut untuk memberi penghargaan secara tunai pada masa akan datang.

**Tindakan : Pentadbiran**

## 6.PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi dan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.

Disediakan oleh:

.....

(AIDA SUHANA BINTI BARUDIN)
Setiausaha,
Majlis Bersama Jabatan (MBJ),
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan
Negeri Melaka

Tarikh: 6 Ogos 2018

Disemak oleh:

.....

(NORUL AISYAH BINTI IBRAHIM)
Setiausaha Bersama,
Majlis Bersama Jabatan (MBJ),
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan
Negeri Melaka

Tarikh: 6 Ogos 2018